

eBULETIN

JKR WP PUTRAJAYA edisi 1/2018



TYPE CONT.	N. POSITION
USER PRESETS	413
EDGE	828
BEIGHT	89
EDGE	828
BEIGHT	89
EDGE	828
BEIGHT	89
EDGE	828
BEIGHT	89



jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya
<https://www.jkrwpp.gov.my>
Aras 3, Blok C7, Kompleks C Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62582 Putrajaya, Malaysia



penaung
DATO' Ir. Hj. Habbali B. Ibrahim
penasihat
Ir. Syed Jaafar Iddid B. Syed Abdylah Iddid

editor
Hjh. Haslina Bt. Sumaini

grafik & seni
Nuur Fadzilah Bt. Md Noor

jurugambar
Ilkham B. Abu Bakar / Muhammad Hafizuddin B. Tajuddin

sumbangan arkitel
Nafiza Samsudin | Nazira Mohamad Masri | Mohd Shahrizan Abd Latef
Abdul Nizam Abdullah Sani | Mohd Hafiz Md Izuddin | Mohd Athir Kamaruddin
Mohd Hasyimi Abdullah Iir. Siti Norbaiti Mohd Yusuf | Farhani Mohamad
Rozaini Ismail | Noor Azizi Arifin | Nur Faezah Fauzi

tin produksi

Rozahan Abou Bakar
Nur Nawwar Ahmad Farouk
Emi Azreena Abd Ghani
Salzawati Sumali
Nik Khalrul Azmi
Sardinar Abu Bakar
Ku Zamri Ku Shari
Halrul Bariah Mohamed Suhaimi
Md Zaini Tumlin
Noraini Hussin
Azizul Taat
Nurul Ika Farleza Zaini
Muhammad Faiz
Nor Siti Aisyah
Berhonnuddin
Haziq Affandi
Emy Nur Zairi Mohd Noh
Norrohuda Yahya
Nor Asmira Ibrahim

DARI
MEJA PENGARAH

Alhamdulillah segala pujian syukur
dipanjatkan ke hadrat Allah
S.W.T kerana dengan limpah kurnia

piawaian yang ditetapkan dan berpandukan visi
dan misi JKR. Disamping itu, etika penyampaian
awam iaitu bekerja mengikut proses dan prose-

SIDANG
redaksi
eBULETIN

dan izin Nya maka Buletin JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya Tahun 2018 telah berjaya diterbitkan buat julung-julung kalinya. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasih kepada semua kakitangan telah mengembeling tenaga, usaha dan menyumbang buah fikiran untuk merealisasikan penerbitan buletin ini. Adalah diharapkan maklumat yang dipaparkan di dalam buletin ini dapat memberi pengetahuan yang berguna kepada semua pembaca dan memberi pendedahan berkenaan pencapaian serta aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya sepanjang tahun 2018.

Sebagai sebuah jabatan teknikal yang terbesar di Malaysia, warga JKR perlu sentiasa berpegang teguh pada konsep ketelusan, integriti dan keadilan ke arah mencapai matlamat kita iaitu membangunkan infrastruktur negara mengikut



dur dengan penuh integriti, menepati masa serta menghasilkan kerja dengan sempurna sentiasa diterapkan supaya perkhidmatan yang terbaik serta telus dapat disampaikan kepada rakyat. Kita mesti sentiasa bersedia menghadapi cabaran masa kini yang menekankan kepada teknologi Revolusi Perindustrian (IR 4.0) dengan minda terbuka dan sikap positif agar matlamat visi dan misi JKR dapat terus dicapai dengan cemerlang.

Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah berusaha menerbitkan buletin ini dan diharapkan usaha murni ini dapat diteruskan di masa akan datang. Marilah kita bersama-sama berusaha dengan lebih gigih untuk menjalankan tanggungjawab yang diberikan dengan ikhlas dan amanah bagi meningkatkan kualiti serta produktiviti perkhidmatan kepada Negara ke tahap yang lebih tinggi.

ISI KANDUNGAN

edisi 01/2018

01 ANUGERAH

Produk Inovasi JKR WPP di Persada Antarabangsa ITEX'18

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017

02 HIGHLIGHTS

Projek:

Aastaka Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan

Lestari:

Jawatankuasa Pembangunan Lestari & Pengurusan Tenaga 2018/2019

Seminar Pengurusan Keselamatan & Pendaftaran Perpasangan Elektrik

Developing Qualified Profesional for MyCrest
Penarafan Hijau MyCrest

03 KNOWLEDGE SHARING

10 KAJIAN KES : *waterproofing* di Rumah Kuarters Putrajaya

04 KELAB SSK JKRWP

11 Mesyuarat Agung Tahunan ke 10

05 AKTIVITI & PROGRAM

Jan - Jun 2018



Tahniah!

Produk Inovasi JKR WP Putrajaya Di Persada Antarabangsa



Buat julung kalinya, JKR WPP telah menyertai pameran 29th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX'18) yang berlangsung selama 3 hari bermula 10 Mei hingga 12 Mei 2018 bertempat di KLCC, yang mana JKR WPP telah melakar kejayaan di persada antarabangsa.

Kedua-dua produk yang dipertandingkan JKR WPP tersebut telah diiktiraf kemenangan oleh para Panel Juri Penilai ITEX'18 dengan merangkul ANUGERAH PINGAT EMAS. 2 produk inovasi yang dipertandingkan adalah;

1. *A Mobile Leaves Collector & Shredder Complete With Composter (V-DER)*, dan
2. *Sistem Aduan Kuarters (SAKU)*



Selain itu, paling membanggakan produk V-DER telah melakar sejarah bagi JKR Malaysia kerana buat julung kalinya telah memenangi Anugerah Khas bagi Kategori BEST GREEN INVENTION AWARD.

Warga JKR WPP mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada kumpulan PutraVerve dan Hikari yang telah mengharumkan nama JKR WPP dan seterusnya JKR Malaysia ke tahap yang sangat membanggakan.







Diharapkan penyer-
taan program
seumpama ini dapat
meningkatkan
motivasi dan
menyemarakkan
budaya inovasi
kepada setiap pega-
wai JKR WPP.



Sistem Aduan Kwarters (SAKU)










ASTAKA

Majlis Tilawah & Menghafaz Al-Quran
Peringkat Kebangsaan
2018/1439H



Kompleks Islam Putrajaya




Life loading test" di pentas Astaka



off rekabentuk yang terpilih oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri

PELANGGAN : JAKIM
TIM PROJEK : BHG. PENGURUSAN PROJEK,
ARKITEK, KONTRAK & UKUR
BAHAN, SELENGGARA ZON 1 & 3

TEMPOH KERJA : 4 MINGGU (32 HARI)







Rebentangan rekabentuk Astaka oleh JKRWP kepada Menteri PM



'Life loading test' di pentas WIP



Rekabentuk oleh Pn. Nurul Hidayah Idris



Rekabentuk oleh Pn. Emi Azreena Abd Ghani


2018/1439H
ASTAKA
MTHAQK
the design

JKRWP telah diberi kepercayaan oleh JAKIM untuk merekabentuk astaka bagi Majlis Tilawah & Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan bertempat di Kompleks Islam Putrajaya yang berlangsung pada 1- 6 April 2018.

Bahagian Arkitek dan BPP telah mengadakan beberapa sesi perbincangan bersama dengan JKRWP dalam urusan mendapatkan pandangan dan berkongsi pengalaman mereka dalam menguruskan majlis yang melibatkan media dan orang ramai.

3 rekabentuk konsep yang dicadangkan oleh Bahagian Arkitek bagi menepati kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak JAKIM iaitu 'simple & modern'. 3 rekabentuk tersebut telah disediakan oleh Pn Nurul Hidayah Binti Idris, Arkitek J41, Pn





Emi Azreena Binti Abd. Ghani, Arkitek J 41 dan En Ku Zamri Bin Ku Shari, TA Kanan J 36.

Beberapa sesi mesyuarat telah diadakan bersama pihak JAKIM sebelum pemilihan dibuat secara rasmi oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Taklimat rekabentuk Astaka Peringkat Kebangsaan, Putrajaya telah dipersembahkan kepada Datuk Seri Jamil Khir Baharom oleh Dato' Pengarah JKRWP dengan 3 cadangan konsep rekabentuk pada 16 Januari 2018 yang lalu turut dihadiri oleh pasukan projek astaka.



Rekabentuk oleh En. Ku Zamri Ku Shari



Rekabentuk oleh Pn Nurul Hidayah Idris telah terpilih untuk dilaksanakan untuk MTHAQK tahun ini. Konsep yang beliau ketengahkan adalah berlatar belakangkan imej Geometri Islam dari Arab dan Parsi. Imej Geometri Islam ini akan disusuli pencahayaan LED yang bewarna-warni menunjukkan konsep kesatuan ummah dan hiasan flora dalam pasu yang bercorak dan bersaiz besar bagi menonjolkan konsep kesejahteraan Ummah.

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN LESTARI & PENGURUSAN TENAGA

Jawatankuasa Pembangunan Lestari & Pengurusan Tenaga JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya bagi sesi



Ir. SYED JAAFAR IQD BIN SYED ABDYLLAH IDID
TIMBALAN PENGARAH

DATO' Ir. HJ. HABBALI BIN IBRAHIM

DUTA LESTARI & PENGURUSAN TENAGA
Pn. HASLINA BINTI SUMAIRI
Arkitek Penguasa Konsep

Pada 5 Februari 2018, telah berlangsung Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Lestari dan Pengurusan Tenaga JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya Bil. 1/2018 yang dipengerusikan oleh Arkitek Penguasa Kanan, Pn. Haslina Binti Sumairi.



Antara agenda mesyuarat adalah seperti berikut :

1. Pembentukan sekretariat Jawatankuasa Kecil Pembangunan Lestari dan Pengurusan Tenaga
2. Merancang Jadual Pelaksanaan Pembangunan Lestari
 - Mengenalpasti keperluan latihan
 - Melaksanakan program lawatan teknikal
 - Mengenalpasti projek-projek yang melaksanakan SPAS/Penarafan hijau
3. Merancang Jadual Pelaksanaan Sistem Pengurusan Tenaga
 - Mengenalpasti keperluan latihan
 - Melaksanakan program lawatan teknikal
 - Penyeliaan unjuran anggaran kos untuk naiktaraf dan lain-lain
 - Cadangan-cadangan penambahbaikan/susulan peningkatan daripada program-program terdahulu.

Memandangkan Lestari dan Pengurusan Tenaga adalah salah satu KPI pengarah JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya pada tahun ini, beberapa pelan tindakan telah dicadangkan untuk tahun 2018 antaranya:

a. Mengadakan kursus Penarafan Hijau My CREST pada 8 Februari 2018;

b. Lawatan Lestari pada 21 April 2018;

c. Pelaksanaan GO GREEN (EKSA) pada 15 Februari 2018 dan 23 Mei 2018;

d. Pelaporan pengurusan tenaga akan dikemukakan bersama Laporan Pelaksanaan Lestari kepada pihak Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga; dan

e. Cadangan untuk mengadakan kursus kesedaran Pengurusan Tenaga kepada pihak pelanggan.

Diharapkan dengan perantikan Jawatankuasa Lestari dan Pengurusan Tenaga JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya ini dapat membantu mencapai sasaran bagi semua pelan tindakan yang telah dicadangkan bagi tahun ini.





KELAB SUKAN, SOSIAL & KEBAJIKAN JKR WPP **MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-10**

Kelab Sukan, Sosial & Kebajikan (KSSK) JKR WP. Putrajaya telah menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-10 yang telah berlangsung pada 5 Jun 2018 di Aras 3, Blok C7, JKR WPP. Mesyuarat berlangsung pada jam 9.00 pagi dengan setiap kehadiran telah menerima cenderamata ikhlas dari KSSK.


Majlis berlangsung dengan ucapan aluan Dato' Pengarah selaku Yang Di Pertua KSSK JKR WPP. Dato YDP secara ringkasnya mengucapkan tahniah dan syabas kepada jawatankuasa KSSK kerana berjaya menyediakan pelbagai aktiviti sepanjang tahun 2016-2018. Beliau

juga berharap bagi pemilihan jawatankuasa baharu KSSK dapat meneruskan kecemerlangan & memberi nafas baru kepada KSSK bagi tahun mendatang.

Dato' YDP meneruskan mesyuarat tahunan dengan menyerahkan kepada Setiausaha Kehormat bagi meneruskan atusrcara pengesahan minit mesyuarat, pembentangan laporan aktiviti, dan laporan kewangan sepanjang tahun 2016 sehingga 2017. Bagi sesi pembentangan usul, Dato'YDP memberi penjelasan bagi 3 usul yang telah diutarakan. Seterusnya, majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan "Dari Kita Untuk Kita", penyampaian

hadiah dan piala pusingan aktiviti sukan dan pembubaran Jawatankuasa KSSK 2016/2018.

Acara kemuncak yang ditunggu-tunggu adalah pemilihan Jawatankuasa Baharu KSSK bagi sesi 2016-2018. 15 jawatankuasa dipertandingkan dan telah dilantikbersemangat dalam menerajui kecemerlangan KSSK JKR WPP.





MyCREST

Developing Qualified Profesional

supported by **CIDB** MALAYSIA



MyCREST adalah merujuk kepada Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool. Mula dibangunkan oleh pihak Construction Industry Development Board (CIDB) Malaysia pada tahun 2012 dan diletakkan dibawah agensinya iaitu Construction Research Institute Of Malaysia (CREAM).

kan seramai 70 orang pegawai yang terdiri daripada semua disiplin teknikal iaitu Arkitek, Jurutera Awam, Jurutera Elektrik, Jurutera Mekanikal, Juruukur Bahan dan Juruukur Bangunan yang terdiri daripada pegawai-pegawai JKR Kontraktor FM yang menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan kontrak semasa serta penyertaan daripada pegawai Perbadanan



Ia merangkumi 11 tema di dalam 'Scorecard Tools' dimana keputusan akhir adalah dinilai berdasarkan kepada Penarafan Bintang. Objektif utama bagi program ini adalah bagi mengurangkan kadar karbon di dalam setiap aktiviti yang dilakukan di dalam mewujudkan pembangunan yang lestari.

JKRWPP selaras sebagai pemacu utama Pengurusan Fasilitas kearah Putrajaya Green City 2020, kursus ini diharap dapat meningkatkan lagi pengetahuan pegawai yang menguruskan aset-aset di Putrajaya yang seterusnya menerapkan pengetahuan ke dalam tugas harian dan membawa nama JKR WP Putrajaya ke peringkat antarabangsa. Kursus ini telah berjaya mengumpul-

Putrajaya.

Dengan berakhirnya kursus ini ianya diharap dapat melahirkan pegawai-pegawai yang bukan sahaja dapat menyumbang kepada kecekapan penggunaan tenaga malah dapat memberikan impak yang besar kepada corak pembangunan lestari pada masa akan datang.

Pihak JKR WP Putrajaya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak CIDB kerana turut membantu dalam menjayakan

"kursus pensijilan untuk melahirkan Pegawai yang bertauliah (Qualified Professional) di dalam program My-CREST yang akan menjadi satu tanda pencapaian negara di dalam Pembangunan Lestari."



program yang dianjurkan kali ini. Harapan kami agar program QP ini mendapat sambutan daripada semua pihak samada pihak pelanggan mahupun pihak agensi kerajaan yang lain.



SEMINAR PENGURUSAN KESELAMATAN & PENDAFTARAN PEPASANGAN ELEKTRIK

Seminar Pengurusan Keselamatan dan Pendaftaran Pemasangan Elektrik telah diadakan dengan jayanya pada 19hb April 2018 bertempat di Dewan Seri Lestari, Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah. Seminar ini adalah julung-julung kali diadakan oleh JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya yang melibatkan kerjasama tiga pihak di antara JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya, Suruhanjaya Tenaga dan Kontraktor Penyenggaraan, Pertabina Technical Services Sdn. Bhd. Seminar ini melibatkan 150 orang peserta yang terdiri Kementerian/Jabatan, Kontraktor Penyenggaraan dan JKR Putrajaya.

Seminar ini diadakan untuk memberi pendedahan mengenai pengurusan keselamatan elektrik serta kepentingan pendaftaran pemasangan Elektrik & orang kompeten bagi semua bangunan Kerajaan di Putrajaya. Langkah ini diambil bagi mengatasi masalah terdapatnya banyak kes-kes penipuan dan pemalsuan sijil yang melibatkan bangunan Kerajaan di Putrajaya kebelakangan ini.

Skop seminar meliputi 3 segmen iaitu pengenalan kepada Suruhanjaya Tenaga, Audit Pengurusan Keselamatan Elektrik dan Aktiviti Penguatkuasaan di bawah Akta Bekal-

an Elektrik 1990. Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan yang bertanggungjawab mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan elektrik dan gas berpaip di

Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Audit Pengurusan Keselamatan elektrik yang akan dilaksanakan bagi memastikan keselamatan pemasangan elektrik di bangunan Kerajaan.

Semoga penganjuran seminar ini sedikit sebanyak dapat memberi kesedaran kepada semua peserta mengenai kepentingan Audit Pengurusan Keselamatan dan pendaftaran pemasangan elektrik dan orang kompeten bagi semua bangunan Kerajaan di Putrajaya.



MyCREST



Taklimat Penarafan Hijau MyCREST telah diadakan dengan jayanya pada 8 Februari 2018 yang lalu selari dengan hasrat JKRWP mensasarkan untuk memperolehi Penarafan MyCrest bagi bangunan-bangunan kerajaan di Putrajaya. Taklimat tersebut turut dihadiri oleh YBhg. Dato Ir. Haji Habbali bin Ibrahim, Pengarah JKR Putrajaya, Ir. Syed Jaafar Idid bin Syed Abdylah Idid, Timbalan Pengarah serta ketua-ketua bahagian JKR Putrajaya. Taklimat ini diadakan sebagai pengenalan kepada MyCREST iaitu salah satu penarafan hijau yang telah dibangunkan bersama oleh JKR dan CIDB.

Taklimat Pelaksanaan Penarafan Hijau MyCREST telah disampaikan oleh Encik Adam bin Abdullah dari Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga dan seterusnya taklimat pengenalan kepada MyCREST CIDB dan *Project Briefing* disampaikan oleh Encik Rizalman dari Sustainable Construction Excellence Creative (MAMPAN) CIDB Malaysia. Taklimat ini melibatkan semua Pegawai Pengurusan dan Profesional, JKR Putrajaya serta wakil pihak kontraktor penyenggaraan.

JKR WP Putrajaya telah mensasarkan 8 bangunan kerajaan untuk mendapatkan Penarafan Hijau MyCrest bagi tahun 2018 yang turut melibatkan kerjasama antara verifier serta pasukan penyenggaraan bangunan. 8 bangunan kerajaan yang telah terpilih



8 Kompleks Bangunan Kerajaan Istana Kehakiman



1 Bangunan Pejabat Kerajaan Kementerian Pelancongan & Kebudayaan Malaysia



2 Bangunan Pejabat Kerajaan Kementerian Komunikasi & Multimedia



3 Bangunan Pejabat Kerajaan Luar Bandar & Wilayah



4 Bangunan Pejabat Kerajaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat

Semoga usaha dan tindakan ini akan menjadi titik permulaan kepada JKR Putrajaya sebagai agen penting dalam menyokong misi Putrajaya GreenCity menjelang 2025 untuk memberi penarafan hijau kepada semua bangunan kerajaan di Putrajaya.



6/7 Kompleks Kementerian Luar Negeri 1 & 2



5 Bangunan Pejabat Kerajaan Kementerian Pendidikan Tinggi



Kajian Kes:

'waterproofing' di Rumah Kwarters Putrajaya

knowledge sharing

Latar Belakang :

Masalah 'Waterproofing' di rumah kuarters Putrajaya merupakan isu yang sering dilaporkan kepada JKR WP Putrajaya. Masalah ini memberi kesan yang besar kepada penghuni kuarters. Objektif kajian ini dijalankan

adalah untuk mengenal-pasti punca berlakunya masalah ini dan kesan daripada masalah ini serta cara menangani masalah ini dengan kadar segera oleh kontraktor yang telah dilantik.



Lokasi:

Presint 11 Jalan A5/7



Tarikh :

21 Februari 2018

Punca Masalah 'waterproofing'



- 1 Rumah kuarters yang sudah berusia
- 2 Kegagalan kontraktor mengenal pasti masalah tersebut pada peringkat awal
- 3 Produk pilihan yang tidak berkualiti



kesan cat merekah & tertanggal pada siling



4 Ketebalan lapisan 'Waterproofing' yang tidak mencukupi

5 Jadual kerja senggara yang tidak dirancang



stalactites pada slab



kebocoran pada siling



kesan basah pada lantai & dinding

knowledge sharing



Cara-cara Pembaikan 'waterproofing'

1




'Hack' jubin dan menampal permukaan lantai yg retak



2



Bersihkan lantai sebelum memulakan kerja



3



Menyediakan sudut 45° di antara dinding & lantai

4



Meratakan simen 'waterproofing' bagi lapisan pertama

5



Meratakan simen 'waterproofing' bagi lapisan kedua

6




Biarkan permukaan tersebut selama 2 hari sebelum menjalankan 'ponding test'

7



Selepas lulus 'ponding test' kerja-kerja pemasangan jubin boleh dijalankan.

ian



aktiviti & program jan - jun 2018



09 Jan | Taklimat "Low Voltage Lightning Protection"



10 Jan | Bengkel Pelan Bisnes JKR WP Putrajaya



18 Jan | Perhimpunan Bulanan Bil.1/2018

25 Jan | Lawatan Teknikal ke Superpower Technology Sdn Bhd



30 Jan | Penilaian Anugerah Kontraktor Cemerlang Kategori Pengurusan Fasilitas Bangunan (Zon 2)

feb



08 Feb | Kursus Penarafan Hijau MyCREST



23 feb | Ceramah Integriti : Janji Allah Itu Pasti



12 feb | Pemeriksaan RSA Jambatan Sri Ehsan



23 feb | Taklimat Produk Indoor Air Quality (IAQ)




27 feb | Taklimat Magnetic Particle Inspection (MPI)



aktiviti & program jan - jun 2018

feb



8 feb | Aktiviti Gotong Royong Rumah Anak Yatim Darul Izzah





2 mac | majlis bacaan Yassin

8 mac | Lawatan Penanda Aras Amalan Persekitaran Berkualiti EKSA oleh Pejabat Kadi Daerah Pontian, Johor




10- 12 mac | Mesyuarat Penyelarasan Dokumen Tender Pengurusan Fasiliti FM, Housekeeping dan Pest Control



13-15 mac | Kursus Pensijilan MyCrest Qualified Professional Sesi1/2018



mac



28 mac | Lawatan Indoor Air Quality

29 mac | Kursus Penilaian Penarafan Hijau MyCrest






29 mac | Lawatan EKSA oleh Pejabat JKR Daerah Pendang, Kedah

aktiviti & program jan - jun 2018

apr



03 Apr | Program Kempen Derma Darah






05 May | Lawatan Ke Kilang Ligetech Automation Sdn. Bhd.



15 May | Perhimpunan Bulanan Bil.2/2018





29 jun | Kursus CIPAA 2012: Tuntutan Adjudikasi Jangan Ambil Mudah!



05 jun | Mesyuarat Agung Tahunan KSSK Kali Ke-10



08 jun | Ceramah Agama Bil.2/2018





APC *Tahniah* 2017 *& Syabas!*



IR. SHAMSURIEE BIN SULAIMAN
JURUTERA ELEKTRIK J54



AHMAD ROSLI BIN ABDUL RAHMAN
JURUTERA AWAM GRED J54

IR. SYED JAAFAR IDID BIN SYED ABDYLLAH IDID
JURUTERA MEKANIKAL J54



ABDUL HALIM BIN MAT DAUD
JURUTERA AWAM PENGUASA J52





NORAZMI BIN BAKAR
JURUTERA ELEKTRIK KANAN J48



FARHANI BINTI MOHAMAD
JURUTERA MEKANIKAL J41



ROSLEEN BIN KASIM
PENOLONG JURUTERA AWAM JA36

RIZALMAN BIN DARUS
JURUTERA AWAM KANAN J48



MOHD ATHIR BIN KAMARUDDIN
JURUTERA ELEKTRIK J41



NUR FAEZAH BINTI FAUZI
JURUTERA ELEKTRIK J41



NOR AZIDAH BINTI MUHAMAD
PENOLONG AKAUNTAN W29



"Aku meminta kemakmuran dan Allah memberiku kecakapan dan tenaga untuk bekerja"

Salahuddin Al Ayyubi

Bahagian Senggara Zon 1





Bahagian Korporat

"Aku meminta keberanian dan Allah memberikanku rintangan untuk kuatasi"

Salahuddin Al Agyubi



Unit Pengurusan Strategik & Intervensi





Bahagian Arkitek



Bahagian Kuarters

"Aku meminta kekuatan dan Allah memberikanku kesulitan untuk membuatku semakin kuat"

"Aku meminta kebijaksanaan dan Allah memberikanku permasalahan untuk kuselesaikan"

Salahuddin Al Ayyubi



Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan



Bahagian Pengurusan Projek



Bahagian Senggara ZON 2

"Aku meminta cinta dan Allah memberikanku orang-orang yang dalam masalah untuk ku tolong"

"Aku meminta kemurahan hati dan Allah memberikanku kesempatan"

Salahuddin Al Ayyubi



Bahagian Senggara ZON 3





*"Aku tidak selalu mendapatkan apa yang aku inginkan,
tetapi aku selalu mendapatkan apa yang aku perlukan"*



eBULETIN
edisi 01/2018

jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya
<https://www.jkrwpp.gov.my>
Aras 3, Blok C7, Kompleks C Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62582 Putrajaya, Malaysia

